

Newspaper	Berita Harian
Date	9/1/2013

Nik Aziz minta beri peluang guna lafaz suci

BH-9/1/2013

Kota Bharu: Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Aziz Nik Mat mahu penganut agama lain diberi ruang untuk membolehkan mereka menggunakan kalimah Allah.

Katanya, ia secara tidak langsung akan membuka pintu hati penganut agama lain untuk memeluk agama Islam.

**“
Kalimah
Allah disebut
orang jahiliah
walaupun
mereka
sembah
berhala,
kalau ditanya
siapa buat
langit bumi,
mereka
kata Allah”**

**Nik Aziz Nik Mat,
Mursyidul Am PAS**

Orang jahiliah gu- na kalimah

“Ini pendapat saya. Kalimah Allah ini disebut orang jahiliah sejak zaman berzaman walaupun mereka sembah berhala, namun kalau ditanya siapa buat langit bumi, mereka kata Allah.

“Ertinya penggunaan kalimah Allah ini tidak hanya pada orang Islam saja, malah jahiliah juga.

“Perlu ada ruang kepada bukan Islam sebut kalimah Allah, bagaimanapun mengenai kaedah ruang itu, ia boleh dibawa berbincang nanti.

“Mudah-mudahan keramatnya kalimah Allah akan terbuka pintu hati mereka (bukan Islam) untuk menerima Islam,” katanya selepas merasmikan Majlis Penyampaian Watakah Pelantikan Ahli Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Kelantan 2013, di sini semalam.